SABAH ELECTRICITY SDN. BHD. (462872-W)

Ibu Pejabat
Wisma SESB, Jalan Tunku Abdul Rahman
88673 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
www.sesb.com.my

CERTIFIED TO ISO 9001-2015
CERT. NO.: QMS 02054

Rujukan Kami: SESB/KPKK/100-12(20)/10 Tarikh: 7 Disember 2020
Rujukan Tuan: MDPTN(D):200-0/8(2020)(01)

MAJLIS DAERAH PUTATAN,
Dewan Mini,
Pejabat Daerah Putatan,
88200 Putatan.
Tel: 088-772815/816 Fax: 088-772825

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT NT.213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH
Drawing No : 200413/JBPMPUT/M-01
Pemohon/ Pemilik : MOHD AFZAL BIN MAT KIAR

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman pihak tuan, pihak kami tiada halangan dengan cadangan pembangunan ini jika kehendak maksima yang dipohon adalah 144kW seperti yang dibincangkan dalam mesyuarat pra-runding sebelum ini. Berikut dilampirkan surat kami terdahulu ruj: SESB/KPKK/100-15(19)/75 bertarikh 17hb Jun 2019 dan SESB/KPKK/100-13920)/67 bertarikh 6hb Mei 2020 untuk rujukan pihak tuan.

Walaubagaimanapun, jika penambahan beban ini melibatkan kerja-kerja menaiktaraf ke atas pencawang sediada terdekat, kos tersebut akan dimasukkan dalam kos caj sambungan pengguna permohonan bekalan elektrik.

Sila ambil maklum juga bahawa pihak pemaju adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan izinlalu jika melibatkan izinlalu pemilik tanah dan pihak berkuasa tempatan sebelum bekalan dapat disalurkan ke pembangunan ini.

Berikut merupakan ulasan-ulasan lain yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju/pemula:

I. Kesemua laluan kabel hendaklah ditandakan dalam pelan lukisan.

II. Pemaju perlu melantik juruperunding untuk memohon bekalan ke permis tersebut dan menyediakan maklumat berikut:
- Jumlah sambungan beban
- Tarikh permulaan dan penyiapan projek
- Pelan pembangunan secara berperingkat (*Jika berkenaan*)
- Tarikh bekalan dikehendaki

III. Merujuk kepada pelan pembangunan yang dikemukakan, jika terdapat pepasangan SESB yang perlu dipindahkan semua kos pemindahan pepasangan SESB tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

IV. Caj sambungan pengguna perlu ditanggung sepenuhnya oleh pemaju. Pihak pemaju juga perlu melaksanakan skop kerja Horizontal Directional Drilling (HDD) jika diperlukan oleh pihak berkuasa tempatan. Kos HDD ditanggung sepenuhnya oleh pemaju.

V. *Utility mapping* dan *survey plan* juga perlu ditanggung sepenuhnya dan dilaksanakan oleh pihak pemaju. Dokumen tersebut perlu diserahkan kepada pihak SESB semasa urusan permohonan bekalan elektrik.

VI. Pemaju perlu mematuhi semua keperluan lain yang berkaitan dalam syarat-syarat umum seperti yang dilampirkan.

VII. Ulasan pelan pembangunan ini hanya sah selama 2 (dua) tahun dari tarikh surat ini.

Pihak Sabah Electricity Sdn Bhd tiada halangan untuk membekalkan bekalan ke pembangunan tersebut jika semua keperluan dan syarat-syarat umum yang dilampirkan dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

"BERSAMA MEMACU PEMBANGUNAN NEGERI SABAH"
SESB MAJU TANPA RASUAH

(Ir. YUSMIR YUSOP)
PENGURUS ZON KANAN
ZON METRO/KPKK
SABAH ELECTRICITY SDN BHD
ym/

sk.
Alasim Omar Architect (email: alasim.architect@gmail.com)
Pengurus Besar Pembahagian
Ketua Jurutera Perancangan dan Projek Pembahagian

Lampiran:
1) SESB/KPKK/100-15(19)/75 bertarikh 17hb Jun 2019
2) SESB/KPKK/100-13920)/67 bertarikh 6hb Mei 2020
3) Syarat-syarat umum